

28/07/1997

(Laporan BSKL)

BURSA Saham Kuala Lumpur (BSKL) ditutup tinggi minggu lalu, berikutan sentimen belian bertambah baik dan peniaga menjangkakan bahawa harga saham kini berpotensi untuk meningkat selanjutnya pada minggu ini.

Kaunter daripada sektor harta, kewangan dan perladangan mencatat keuntungan besar sepanjang minggu lalu.

Kepulangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada bercuti serta amaran kerasnya terhadap 'penyangak' spekulator mata wang, mengembalikan keyakinan pelabur, yang menyaksikan mereka mengurus niaga secara agresif.

Minggu ini, pasaran dijangka susut sedikit terlebih dahulu sebelum Indeks Komposit BSKL melantun untuk mengatasi 1,050 mata. Indeks itu sepanjang minggu lalu meningkat 39.71 mata kepada 1,041.26.

Indeks Emas pula menambah 12.35 mata kepada 296.23, Indeks Papan Kedua meningkat 22.49 mata kepada 550.29 dan Indeks Perusahaan melonjak 55.85 mata kepada 2,053.67.

Indeks Komposit BSKL merosot ke tahap paling rendah kepada 990 mata minggu lalu berikutan kenaikan kadar faedah pada minggu sebelumnya, walaupun Wall Street memecah rekod pada tahap 8,000 mata.

Kenyataan tegas Dr Mahathir terhadap spekulator penyangak bahawa Asean akan menimbang untuk merumus undang-undang bagi membendung spekulasi mata wang, dan pertemuannya dengan Bank Negara serta pegawai tertinggi kementerian kewangan dan bank, membantu mengukuhkan sentimen di sebalik kejatuhan kadar faedah dan ringgit yang lebih stabil.

Jumlah dagangan di Papan Utama sepanjang minggu lalu, berjumlah 1.107 bilion saham bernilai RM6.236 bilion berbanding 754.688 juta saham bernilai RM4.311 bilion sepanjang minggu sebelumnya.

Di Papan Kedua pula, sejumlah 270.760 juta saham bernilai RM3.091 bilion bertukar tangan berbanding 172.179 juta saham bernilai RM2.073 bilion minggu sebelumnya.

Dagangan langsung berjumlah 277.088 juta saham bernilai RM1.993 bilion berbanding 241.535 juta saham bernilai RM1.415 bilion sebelumnya.

Dua kaunter memulakan dagangan sulungnya, iaitu Capetronics Consumer pada Isnin lalu, menawarkan saham pada harga RM7.80 setiap satu dan Eupe Corporation pada Khamis pula berharga RM2.00.

Capetronics ditutup pada RM14.90 manakala Eupe pula pada RM2.87.

MPHB-C mendahului 10 kaunter paling cergas minggu lalu dan kaunter itu naik enam sen kepada RM0.78. Ini diikuti oleh Anson yang meningkat 32 sen kepada RM5.00, MBf Capital menokok 30 sen kepada RM4.20, Taiping menambah 12 sen kepada RM3.02 tetapi Pohmay jatuh 20 sen kepada RM11.40.

MPHB-C diniagakan sebanyak 54.539 juta saham, Anson 49.040 juta saham, MBf Capital 40.793 juta saham, Taiping 36.077 juta, Pohmay 33.206 juta, Samanda 25.899 juta, Renong 24.919 juta, Sinora 24.425 juta, CP Bhd 24.098 juta dan P&D 23.560 juta saham.

Di sektor barangan pengguna sebanyak 40.625 juta saham diniagakan, barangan perusahaan pula sebanyak 178.492 juta saham bertukar tangan, pembinaan 107.956 juta, dagangan/perkhidmatan 162.723 juta, prasarana 8.414 juta, kewangan 148.213 juta, hotel 11.203 juta, harta 248.842 juta, perladangan 41.456 juta, perlombongan 19.437 juta, amanah 808,000 dan stok pinjaman 137.373 juta saham. - Bernama

(END)